

Projek TNB di Pakistan diteruskan

BH 29 MAR 2000

PUTRAJAYA, Selasa – Pembinaannya fasa kedua projek jana kuasa milik Tenaga Nasional Bhd (TNB) berharga RM190 juta (AS\$50 juta) di Pakistan yang ditangguhkan berikutan rampasan kuasa tahun lalu, akan diteruskan tidak lama lagi.

Ini berikutan jaminan Ketua Eksekutif Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf yang mahu mencari jalan mempercepat pembinaan projek itu, yang berkeupayaan menjana 235 megawatt (MW) di Daharki, wilayah Sind, selatan republik itu.

Jaminan itu diberikan oleh Musharraf dalam temuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya hari ini.

Musharraf yang diiringi

isterinya, Begum Sahibatiba semalam untuk lawatan tiga hari ke negara ini.

Memberitahu pemberita selepas pertemuan kedua-dua pemimpin itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia meminta Pakistan mempercepatkan kelulusan projek bagi fasa kedua itu.

“Kita meminta mereka membenarkan fasa kedua dimulakan supaya projek itu berdaya maju. Jeneral Musharraf berjanji menyelesaikan semua masalah birokrasi dan ketidaktentuan dalam peraturan serta undang-undang komersil di Pakistan,” katanya.

Fasa pertama projek itu, yang bernilai RM1.5 bilion (AS\$400 juta) sudah dimulakan.

“Saya rasa kita sudah me-

labur banyak wang untuk fasa pertama bagi menjadikannya lebih menarik dan memberi pulangan baik dan juga untuk faedah Pakistan,” katanya.

Projek itu dikendalikan oleh anak syarikat TNB, TNB Power Daharki Ltd yang mengambil alih 38 peratus baki kepentingan dalam Liberty Power Ltd, Pakistan, bagi mengendalikan dan mengedarkan tenaga dari jana kuasa Daharki di wilayah Sind. Tahun lalu, Pengerusi Eksekutif TNB, Tan Sri Ahmad Tajuddin Ali, berkata pihaknya tidak bercadang membatalkan pelaburan dalam projek jana kuasa di Pakistan itu walaupun pembinaannya lewat hingga menyebabkan kenaikan kos.

Asian Wall Street Journal

(AWSJ) sebelum ini menyebut projek loji itu terbantu dan TNB dilaporkan berusaha mendapatkan syarikat kemudahan awam di Pakistan memenuhi perjanjian pembelian mengenai bekalan gas dan tenaga.

Bagaimanapun dalam satu kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) selepas itu, TNB menyatakan pelaburannya dalam projek jana kuasa Liberty Power Ltd di Pakistan itu akan hanya memberi pulangan IO peratus berbanding unjuran awal 23 peratus, berikutan kenaikan kos.

Ia menyatakan, fasa pertama loji milik penuh TNB yang berkeupayaan menjana 235 megawatt (MW) itu kini bernilai AS\$450 juta (RM1.7 bilion), daripada

AS\$250 juta (RM950 juta).

Kenaikan itu disebabkan kelewatan projek yang juga menyebabkan kerja memulakan loji dijadualkan semula kepada Disember lalu dari Ogos 1997 jadual asal.

Mengenai pelaburan, Syed Hamid berkata Pakistan mahu memberi perhatian khusus kepada penyertaan Malaysia dalam pelaburan di sana kerana menganggap negara ini sebagai rakan yang baik.

Katanya, perbincangan kerjasama dua hala dan ekonomi antara Dr Mahathir dengan Musharraf juga bersejua untuk meningkatkan dagangan antara satu sama lain, yang kini lebih menguntungkan Malaysia.

Beliau berkata, Musharraf bersetuju bahawa bagi menggalakkan pelaburan di Pakis-

tan, ia memerlukan kestabilan dan keyakinan masyarakat antarabangsa.

Syed Hamid berkata, Musharraf memberitahu Dr Mahathir bahawa beliau akan melakukan apa saja untuk membawa kestabilan di Pakistan dan menswastakan perkara yang tidak perlu dipegang oleh kerajaan.

“Mereka anggap swasta lebih cekap, mereka nak pengalaman Malaysia dan kita setuju nak bantu. Dr Mahathir banyak menjelaskan tindakan yang kita ambil, bagaimana kita mencapai kejayaan dalam bidang pen-swastaaan dan pelaburan, apakah undang-undang yang kita wujudkan untuk tujuan itu dan mengapa kita dapat keyakinan masyarakat antarabangsa,” katanya.